



Kepada Semua Pegawai Pengawal,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 1 TAHUN 2009**

PENGURUSAN BAJET 2009

Tujuan

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh semua Pegawai Pengawal dalam menguruskan bajet tahun 2009 di jabatan masing-masing.

Anggaran Perbelanjaan Tahun 2009

2. Waran Am Bil. 1 Tahun 2009 bertarikh 16 Disember 2008 telahpun dikeluarkan bagi membolehkan wang berjumlah **RM331,197,430** yang diluluskan oleh Dewan undangan Negeri dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan Mengurus seperti berikut:-

i. Sebanyak **RM12,429,980** untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan

- ii. Sebanyak **RM318,767,450** untuk perbelanjaan Bekalan sepetimana yang diluluskan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2009.
- 3. Disamping itu wang berjumlah **RM186,039,050** diluluskan pengeluarannya daripada Kumpulan Wang Pembangunan melalui Waran Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bil.1 Tahun 2009 bertarikh 16 Disember 2008 untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan bagi Maksud dan Butiran/projek sepetimana dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2009.

Tanggungjawab Pegawai Pengawal

4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal ke atas pengurusan kewangan sesabuah jabatan telahpun ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 seksyen 15A di mana Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab secara total ke atas pengurusan kewangan jabatan masing-masing.

5. Tahun 2009 merupakan tahun cabaran bagi Negeri Pulau Pinang disebabkan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berikutan daripada kemelesetan ekonomi global yang sedang berlaku sekarang. Oleh yang demikian setiap perbelanjaan yang dibuat perlu dipastikan mendapat pulangan yang maksima. Sehubungan dengan ini adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal untuk memastikan

peruntukan tahun 2009 yang diluluskan kepada jabatan masing-masing dibelanjakan secara berhemat supaya hasrat Kerajaan Negeri dapat direalisasikan melalui pelaksanaan misinya seperti berikut :-

- (i) Meningkatkan daya saing ekonomi negeri.
- (ii) Membina sebuah masyarakat yang penyayang dan berkongsi.
- (iii) Mengelakkan keseimbangan ekologi dan mempromosikan budaya segar.
- (iv) Mengamalkan urus tadbir yang baik.

6. Y.A.B. Ketua Menteri dalam membentangkan Ucapan Belanjawan Tahun 2009 di Dewan Undangan Negeri pada 14 November 2008 lalu telahpun menggariskan beberapa strategi bagi menangani kesan kemelesetan ekonomi global ke atas kehidupan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Di antara kesan negatif yang akan dihadapi termasuklah berlakunya pemberhentian pekerja secara besar-besaran yang akan menjaskan pendapatan sebahagian rakyat negeri ini dan juga kesan kenaikan harga barang yang turut menjaskan kuasa beli di kalangan rakyat.

7. Strategi pembangunan yang telah digariskan bagi menangani cabaran tahun 2009 adalah terdiri daripada strategi untuk merancakkan pembangunan ekonomi (pro growth), mewujudkan peluang pekerjaan (pro job), menjamin keadilan sosio-ekonomi di kalangan rakyat (pro poor) dan mengamalkan urustadbir yang baik dengan memberi penekanan kepada amalan prinsip C.A.T iaitu Cekap, Amanah dan Telus dalam pengurusan.

8. Beberapa program dan tindakan bagi menangani kesan kemelesetan ekonomi global ke atas kesejahteraan hidup rakyat di negeri ini telahpun digariskan dan di antaranya termasuklah menyediakan pelbagai program latihan kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya dapat dialihkan ke sektor ekonomi yang lebih berpotensi; mengurangkan pergantungan kepada syarikat multi nasional dalam menyediakan peluang pekerjaan tetapi sebaliknya mengenalpasti aktiviti ekonomi yang berpotensi untuk dimajukan oleh firma tempatan terutamanya di bidang industri kecil dan sederhana serta mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup terutamanya di kalangan rakyat miskin melalui pelbagai program bantuan.

9. Sehubungan dengan itu, Pegawai Pengawal perlu mempertingkatkan kecekapan pengurusan jabatan masing-masing bukan sahaja dari segi pengurusan kewangan tetapi juga dalam pelbagai bidang yang boleh membantu sektor swasta bergerak dengan lebih aktif bagi menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Di antara aspek-aspek yang perlu diberi penekanan termasuklah memberi keutamaan kepada aspek pembangunan modal insan, pemantauan pelaksanaan program/projek/aktiviti, memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan membuat penilaian semula ke atas program/projek/aktiviti dan proses kerja yang telah lama diperaktikkan supaya dapat diselaraskan dengan kehendak dan keperluan semasa disamping memenuhi keperluan masakini *stakeholders*, pelanggan dan golongan sasaran.

10. Pegawai Pengawal perlu peka kepada perubahan-perubahan semasa yang berlaku dan di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai, Pegawai Pengawal sememangnya telahpun diberikan kuasa yang lebih luas untuk merancang, menentu dan menguruskan peruntukan di jabatan masing-masing mengikut keperluan dan kesesuaian semasa termasuk menyenaraiutamakan semula program & aktiviti yang telah dirancang selaras dengan peruntukan sebenar yang diluluskan.

Pungutan Hasil

11. Pengalaman lalu menunjukkan bahawa prestasi pungutan hasil negeri adalah memuaskan di mana jumlah kutipan hasil sebenar lebih tinggi daripada anggaran hasil yang dijangkakan. Namun demikian bagi tahun 2009, memandangkan kepada jangkaan akan berlakunya pertumbuhan ekonomi yang perlahan akibat kemelesetan ekonomi global maka usaha-usaha untuk mengutip hasil perlu diberikan perhatian yang lebih serius dan dipergiatkan. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan tunggakan hasil termasuk aktiviti penguatkuasaan hendaklah diteruskan dan dilaksanakan dengan lebih gigih supaya kutipan hasil semasa dan kutipan tunggakan hasil dapat dipertingkatkan.

Peruntukan Mengurus

12. Peruntukan Mengurus bagi tahun 2009 akan dikeluarkan sekaligus kepada Pegawai Pengawal pada awal Januari tahun 2009 secara *on line* dan peruntukan tersebut hendaklah diagihkan kepada

cawangan/bahagian/Pusat tanggungjawab (PTJ) masing-masing melalui waran peruntukan kecil secara *online*. Garispanduan mengenai pengeluaran waran peruntukan kecil telahpun diedarkan melalui Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Bil. 10 tahun 2008 bertarikh 13 Jun 2008. Bagi mengelakkan *shortfall* dalam perbelanjaan, Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan supaya membuat pemantauan yang kerap dari masa kesemasa ke atas setiap waran peruntukan kecil yang telah dikeluarkan kepada PTJ masing-masing bagi memastikan supaya peruntukan yang telah diagihkan itu dibelanjakan dengan segera disamping mengenalpasti lebihan peruntukan yang tidak dibelanjakan untuk diagihkan ke aktiviti lain yang memerlukan.

13. Dari segi pindah peruntukan pula Pegawai Pengawal telahpun diberi kuasa membuat pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus di antara aktiviti bagi Objek Am 20000 : Perkhidmatan dan Bekalan manakala bagi Objek Am lainnya perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pengeluaran waran pindah peruntukan ini juga hendaklah dibuat secara *online* sepertimana yang diamalkan sekarang. Pegawai Pengawal perlu mempastikan supaya peraturan-peraturan berkaitan pindah peruntukan sepertimana yang terdapat dalam Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 10 Tahun 2008 dipatuhi sepenuhnya. Tindakan ini perlu bagi mengelakkan berlakunya proses pindah masuk dan pindah keluar bagi objek sebagai dalam aktiviti yang sama dan juga mengelakkan supaya peruntukan yang telah dipindah masuk tidak dibelanjakan langsung.

Peruntukan Pembangunan

14. Waran peruntukan pembangunan akan dikeluarkan sepenuhnya secara *on line* melalui SPEKS tetapi tidak secara sekaligus. Atas keputusan Kerajaan Negeri, pengeluaran waran peruntukan Pembangunan hanya akan dibuat setelah butiran terperinci bagi projek-projek yang telah dirancangkan untuk dilaksanakan dalam tahun 2009 disemak semula dan mendapat persetujuan Y.B. Pengerusi/Jawatankuasa Majlis Mesyuarat yang berkenaan. Oleh yang demikian waran peruntukan Pembangunan kepada Jabatan-jabatan Negeri hanya akan dikeluarkan oleh Jabatan Kewangan Negeri setelah mendapat kepastian mengenai perkara ini daripada UPEN. Langkah ini diambil bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan tahun 2009 difokuskan kepada penyaluran kemudahan dan perkhidmatan untuk rakyat/ golongan sasar dan diselaraskan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merealisasikan misi negeri sepermata digariskan di perenggan 5 melalui pelaksanaan strategi pembangunan yang dinyatakan di perenggan 7 di atas.

15. Anggaran Pembangunan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri kepada jabatan-jabatan adalah untuk membolehkan kemudahan dan perkhidmatan diberikan kepada rakyat dan dari segi legalitinya peruntukan yang diberikan itu hendaklah dibelanjakan mengikut Maksud dan Butiran/projek yang telah ditentukan. Oleh yang demikian kawalan ke atas perbelanjaan perlu dibuat berasaskan prinsip akauntabiliti yang memberi penekanan kepada pelaksanaan tugas dan tanggungjawab serta pematuhan kepada peraturan

kewangan sedia ada. Beberapa pekeliling telahpun dikeluarkan selaras dengan hasrat dan penekanan Kerajaan Negeri untuk membudayakan amalan prinsip C.A.T dalam urus tadbir negeri. Di antara pekeliling-pekeliling tersebut termasuklah Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 dan 8 Tahun 2008: Ketelusan Dalam Proses Tawaran Tender dan Sebutharga Bagi Projek-projek Yang Ditawarkan Oleh Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang dan Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 : Pelaksanaan Sistem ePerolehan di Negeri Pulau Pinang, yang mengutamakan ketelusan dalam sistem pentadbiran negeri melibatkan pengurusan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja/projek di Jabatan-jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri dan Pekeliling Kewangan Negeri Bil.11 Tahun 2008 : Langkah-langkah Memperketatkan Kawalan Perbelanjaan Kerajaan, yang bertujuan untuk mengelakkan pembaziran sumber-sumber kewangan sedia ada disamping memperkuuhkan tahap akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.

Pengurusan Aset dan Setor

16. Usaha-usaha untuk mempermudahkan pengurusan aset di Jabatan-jabatan Negeri telahpun dipergiatkan melalui pemantauan berkala oleh Jabatan Kewangan Negeri. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah mempastikan pendaftaran aset dibuat melalui Sistem SPEKS, menyedia dan membentangkan kertas kerja mengenai status dan kemajuan pengurusan aset Jabatan-jabatan Negeri sebagai agenda dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Negeri dan menganjur beberapa sesi latihan

kepada pegawai-pegawai asset jabatan. Beberapa sesi latihan telah diadakan yang meliputi aspek pengurusan asset melalui modul asset SPEKS dan pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 tahun 2007 : Pengurusan Aset Alih Kerajaan pada bulan April dan Mei tahun 2008. Disamping itu taklimat mengenai pelaksanaan modul asset SPEKS versi terkini yang baru diwujudkan yang mengambilkira sepenuhnya proses kerja dan peraturan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telahpun diberikan pada 17 hingga 18 November 2008 melibatkan 10 buah jabatan. Kesemua pegawai asset di kalangan 21 buah Jabatan Negeri akan diliputi. Dengan adanya versi baru modul asset SPEKS ini, masalah sedia ada berkaitan sistem SPEKS telah dapat ditangani dan kerja-kerja pendaftaran, pengemaskinian dan pemantauan asset alih kerajaan oleh pihak pengurusan menjadi lebih mudah.

17. Pegawai Pengawal diminta memantau dari masa ke semasa urusan pengendalian asset di jabatan masing-masing secara lebih dekat dan kerap serta memastikan modul asset SPEKS dimaksimakan penggunaannya di peringkat pengurusan atasan. Pemantauan melalui sistem SPEKS boleh dibuat dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa yang diadakan samada dalam Jawatankuasa Kewangan dan Akaun Jabatan, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan juga mesyuarat-mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal sendiri. Langkah ini diharapkan akan dapat membantu jabatan dalam menguruskan asset di jabatan masing-masing dengan lebih sistematik dan ekonomik.

Bayaran

18. Pulau Pinang adalah merupakan di antara negeri yang berjaya memproses bayaran dalam jangkamasa yang singkat. Walaupun tempoh masa minima yang ditetapkan ialah 14 hari tetapi lebih 90% daripada bil dan invois yang lengkap dan mematuhi peraturan telah dapat dibuat bayaran dalam masa tiga hari malah proses bayaran melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* telah membolehkan bil-bil dan invois yang lengkap dibuat bayaran serta merta sebaik sahaja sampai ke Bahagian Kewangan.

19. Dengan kemasukan kakitangan baru dan pelaksanaan proses pusingan kerja di kalangan kakitangan sejak kebelakangan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya tahap kecekapan kakitangan dalam memproses bayaran dipertingkatkan tanpa menjaskan kualiti kerja yang dijalankan. Pelaksanaan kerja oleh pihak-pihak yang terlibat dengan proses bayaran seperti penyedia, penyemak dan pelulus termasuk kakitangan yang menguruskan Daftar Bil, bayaran tanggungan seperti utiliti, sewaan dan kontrak hendaklah dipantau dari masa ke semasa. Bagi membolehkan pengurusan bayaran dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan, latihan atau latihan semula perlu diberikan kepada kakitangan berkaitan. Pegawai Pengawal disarankan supaya dari masa kesemasa memaklumkan kepada Jabatan Kewangan Negeri akan keperluan latihan pengurusan kewangan di jabatan masing-masing supaya latihan yang bersesuaian dapat disediakan.

Pemerhatian Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

20. Adalah didapati bahawa skop pemerhatian audit pada masakini telahpun diperluaskan daripada pengurusan kewangan yang melibatkan pengurusan bajet, hasil, perakaunan, perolehan, aset dan setor serta penyediaan penyata kewangan kepada aspek pengurusan keseluruhan jabatan yang melibatkan penyediaan dan pengemaskinian manual prosedur kerja, fail meja, latihan dan pengurusan mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Jabatan, Jawatankuasa Pengurusan Aset, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Jawatankuasa Panel Sumber Manusia. Dengan perkembangan ini, Pegawai Pengawal hendaklah sentiasa membuat pemantauan ke atas kemajuan tindakan susulan yang diambil berikutnya daripada keputusan mesyuarat yang telah diadakan.

21. Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan jabatan, Pegawai Pengawal disarankan supaya menjadikan laporan pemerhatian/ teguran audit sebagai bahan perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat jawatan kuasa yang dimaksudkan serta memastikan tindakan telah diambil ke atas setiap teguran audit. Sebagai panduan, Pegawai Pengawal bolehlah merujuk kepada senarai semak yang terdapat di Lampiran 1, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 tahun 2008: Perkara-perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, untuk rujukan.

22. Keperihatinan Pegawai pengawal dalam memastikan tahap pengurusan kewangan di jabatan masing-masing dipertingkatkan amatlah diharapkan. Kerjasama sepasukan yang ditunjukkan terutamanya dalam memperbaiki mutu perkhidmatan dan melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan akan membolehkan tahap pengurusan kewangan Jabatan-jabatan Negeri pada keseluruhannya dipertingkatkan.

Tarikh Kuatkuasa

22. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2009**.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah


(DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOFF)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 30 Disember 2008

s.k : Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Pulau Pinang.